

CROWDFUNDING BERASASKAN GANJARAN BAGI MENYOKONG INDUSTRI KESENIAN ISLAM

Group member

Masyitah Khidzir
 Fatin Nur Ainaa Mustaffa
 Norhaifa Ganti

Mohd Khairy Kamarudin

ABSTRAK

Industri Kesenian Islam di Malaysia mengalami kesukaran untuk mendapatkan dana bagi penerbitan album dan penghasilan filem-filem yang berunsurkan Islam. Maka, satu kaedah pengumpulan dana yang baru dibangunkan untuk menyemarakkan kembali Industri Kesenian Islam di Malaysia. Pendanaan berdasarkan ganjaran merupakan satu kaedah pengumpulan dana yang berkesan untuk membantu permasalahan ini. Kaedah pendanaan awam ini dibangunkan dengan merujuk pendanaan awam berasaskan ganjaran dari serata dunia seperti Artishare, Seedandspark, Fangage, Fracturedatlas dan Doneeractie. Hasil daripada pendanaan berdasarkan ganjaran ini memberikan manfaat kepada pemain dan peminat Industri Kesenian Islam di Malaysia. Impak daripada pendanaan ini adalah pemain Industri dapat mengumpulkan dana bagi menghasilkan aktiviti kesenian manakala peminat boleh mendapatkan akses yang awal terhadap hasil kesenian tersebut sebagai ganjaran terhadap sumbangan yang diberikan. Secara tidak langsung, ekonomi Industri Kesenian Islam dapat ditingkatkan dan disemarakkan semula. Oleh itu, dakwah melalui Kesenian Islam dapat disampaikan secara berterusan mengikut arus zaman.


PENGENALAN

- Kesenian Islam penyumbang kepada pemangkin ekonomi
- Kestabilan sektor kesenian Islam di Malaysia harus diberi perhatian secara menyeluruh.
- Industri Kesenian Islam mengalami kesukaran untuk mendapatkan dana bagi penerbitan album dan penghasilan filem-filem yang berunsurkan Islam
- Masa depan penggiat seni Islam hampir menemui jalan buntu.
- Oleh itu, satu kaedah pengumpulan dana yang baru dibangunkan iaitu pendanaan awam berdasarkan ganjaran.

PENERANGAN PRODUK/ INOVASI SECARA RINGKAS

- Satu platform pendanaan awam berdasarkan ganjaran dibangunkan bagi meningkatkan dan menyemarakkan lagi industri kesenian Islam di Malaysia.
- Bertujuan sebagai interaksi antara platform pendanaan awam, pemain industri, peminat dan orang awam.
- Berpeluang mendapatkan sokongan kewangan daripada peminat
- Sebagai ganjaran daripada sokongan peminat di platform pendanaan awam, pemain industri menjanjikan ganjaran bukan dalam bentuk kewangan ke atas setiap sumbangan yang diberikan seperti akses yang awal terhadap hasil kesenian, tiket filem, muka depan album, poster, baucar bayaran, kad terima kasih dan sebagainya.

METODOLOGI




PEMATUHAN SYARIAH

- Memastikan setiap dana yang berjaya dikumpulkan mestilah disalurkan pada projek yang diamanahkan
- Kempen memenuhi kriteria dan mematuhi Syariah Islam.
- Penderma (peminat) mempunyai hak untuk mengetahui perkembangan projek yang dijalankan.
- Projek yang gagal dilaksanaakan perlu memulangkan kembali dana kepada penderma.
- Pihak pengurusan hanya mengambil 5% daripada jumlah dana terkumpul bagi menampung kos pengurusan.

KEPENTINGAN

Pembangunan platform berdasarkan ganjaran memberi manfaat kepada pihak pemain industri untuk mendapat sokongan kewangan bagi menghasilkan kesenian berunsurkan Islam. Peminat pula boleh mendapatkan akses yang awal terhadap hasil kesenian tersebut sebagai ganjaran terhadap sumbangan yang diberikan. Secara tidak langsung, industri kesenian Islam dapat ditingkatkan dan disemarakkan semula. Oleh itu, dakwah melalui Kesenian Islam dapat disampaikan secara berterusan mengikut arus zaman.



NOVELTI/ KEASLIAN

- Platform ini dibangunkan daripada penambahbaikan kepada platform yang sedia ada bersesuaian dengan keperluan industri kesenian Islam.
- Platform yang sangat mudah diakses oleh orang awam bagi menyumbang dana.
- Platform pendanaan awam berdasarkan ganjaran khusus bagi penggiat seni Islam yang pertama dibangunkan di Malaysia.

ANUGERAH :: PENERBITAN :: PATEN

- Khidzir, M., Mustaffa, F. N. A., Ganti, N., & Kamarudin, M. K. (2021). Peranan Dan Sumbangan Crowdfunding Dalam Membantu Golongan Terjejas Covid-19. *2nd Kedah International Zakat Conference 2021*, 93–101.